

**KENYATAAN YANG DIPERTUA
MAJLIS PERBANDARAN SEBERANG PERAI
MESYUARAT MAJLIS PENUH
25 APRIL 2017**

1. ANUGERAH DARI “INSTITUTE OF LANDSCAPE MALAYSIA (ILAM)”

Majlis Perbandaran Seberang Perai telah dinobatkan untuk menerima dua anugerah di Majlis “Malaysia Landscape Architecture Awards (MLAA) Gala Dinner” di The Majestic Hotel, Kuala Lumpur pada 22 April 2017.

Majlis Penyampaian Anugerah ini telah disempurnakan oleh Y.Bhg. Dato’ Dr. Tam Weng Wah Timbalan Ketua Setiausaha (Dasar & Pembangunan), Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT). Anugerah yang telah diterima oleh MPSP adalah :

- i. *Special Honour Award* di bawah *Government Category: Green Initiatives Awards* telah dinobatkan kepada Projek *Butterworth Baharu Regeneration Plan: Empowering Community & Public Space* telah menerima trofi dan sijil.
- ii. *Honour Award* di bawah *Government Category: Green Initiatives Awards* telah dinobatkan kepada Projek *Sustainable*

Milieu Through Green Initiatives : An Approach of Public, People & Private Partnership (4PS) telah menerima trofi dan sijil.

2. MAJLIS CABUTAN BERTUAH DAN PENYAMPAIAN HADIAH PROMOSI CUKAI PINTU 2017

Sukacita dimaklumkan Majlis Cabutan Bertuah dan Penyampaian Hadiah Promosi Cukai Pintu 2017 akan diadakan pada hari ini sejeurus selepas selesai Mesyuarat Majlis Penuh ini. Majlis ini akan diadakan pada pukul 11:30 pagi di perkarangan Lobi MPSP.

Pemenang-pemenang yang berjaya telah dihubungi dan dijemput hadir pada hari ini bagi menentukan kedudukan hadiah yang bakal dimenangi.

Sebanyak 60 hadiah telah disediakan iaitu sepuluh (10) hadiah bagi kategori bayaran secara online manakala lima puluh (50) hadiah bagi kategori biasa. Hadiah-hadiah yang disediakan adalah terdiri daripada *mountain bike*, basikal, peralatan kesihatan, barangan elektrik, telefon pintar, *tablet pc* dan perkakasan rumah.

Sehubungan dengan itu, semua ahli-ahli Majlis MPSP, Ketua-Ketua Jabatan serta wakil media adalah dijemput untuk sama-sama menjayakan majlis ini.

3. OPERASI SERAHAN WARAN TAHANAN TUNGGAKAN CUKAI TAKSIRAN

Saya di sini ingin memaklumkan bahawa operasi serahan waran tahanan telah bermula pada 4 April 2017 ke atas pemilik premis yang masih gagal menjelaskan tunggakan cukai taksiran. Pemilik premis dinasihatkan agar menjelaskan tunggakan dengan **SEGERA** bagi mengelakkan pemilik premis dikenakan waran tahanan dan sitaan harta alih dilaksanakan oleh MPSP.

Bayaran boleh dibuat di kaunter bayaran MPSP di Bandar Perda, Butterworth dan Jawi. Pembayar cukai juga boleh membuat bayaran secara online di laman web MPSP, laman web Kerajaan Negeri Pulau Pinang serta agen-agen yang sah dilantik oleh MPSP.

Sila hubungi di talian 04-5497891 / 790 / 470 / 471 untuk pertanyaan serta maklumat lanjut mengenai cukai taksiran anda.

4. DASAR MENGUPAH PEKERJA WARGANEGARA ASING / PEMASTAUTIN TETAP (PR) SEBAGAI PEMBANTU DI GERAI PERNIAGAAN MILIK MAJLIS, PREMIS PERNIAGAAN DAN PENJAJA

Majlis Perbandaran Seberang Perai melalui Mesyuarat Majlis Penuh Ke-513 (03/2017) pada 30 Mac 2017 telah bersetuju untuk meluluskan Cadangan Dasar Mengupah Pekerja Warganegara Asing / Pemastautin Tetap (PR) Sebagai Pembantu di Gerai Perniagaan Milik Majlis, Premis Perniagaan dan Penjaja. Antara inipati dasar yang telah diluluskan adalah seperti berikut :

i. Bagi perniagaan di pasar awam dan kompleks makanan MPSP dan penjaja di tepi jalan, peniaga adalah tidak dibenarkan mengupah pembantu asing / warganegara pemastautin tetap (PR) di gerai pasar dan kompleks makanan MPSP termasuk pasangan kepada warganegara tempatan yang berstatus warganegara.

ii. Bagi perniagaan di premis-premis perniagaan, jumlah pembantu warganegara tempatan mestilah sekurang-kurangnya 30 peratus daripada jumlah pekerja keseluruhan semasa premis

beroperasi dan pemeriksaan dilakukan oleh Majlis. Di samping itu, papan iklan yang dipamerkan adalah tidak dibenarkan diiklankan dalam bahasa-bahasa lain kecuali Bahasa Malaysia, Bahasa Inggeris, Bahasa Cina dan Bahasa Tamil sahaja.

Dasar-dasar yang telah diluluskan ini akan mula dikuatkuasakan mulai 01 Jun 2017. Sekiranya peniaga tidak mematuhi dasar ini, pihak MPSP akan mengambil tindakan penguatkuasaan terhadap peniaga. Antara tindakan drastik yang boleh diambil adalah tindakan penguatkuasaan rampasan secara terus terhadap warga asing sama ada yang berniaga di dalam gerai Majlis atau menjaja di tepi jalan tanpa sebarang pengeluaran notis peringatan.

Sekiranya peniaga mempunyai sebarang penjeleasan lanjut berkaitan dasar ini, sila hubungi Jabatan Pelesenan, MPSP ditalian no. 04-5497679 / 04-5497680.

5. SESI “TOWN HALL” DIALOG BAJET MPSP 2018

Dimaklumkan bahawa Sesi “Town Hall” Dialog Bajet MPSP 2018 yang dijadualkan pada **22 April 2017 (Sabtu) ditunda ke**

13 Mei 2017 (Sabtu) atas sebab-sebab yang tidak dapat dielakkan. Sesi ini akan diadakan di Hotel Iconic, Icon City, Bukit Mertajam dari jam 8:00 pagi hingga 1:00 petang. Oleh itu, individu-individu, wakil-wakil komuniti, Pertubuhan Bukan Kerajaan (NGO), Agensi Kerajaan dan Swasta yang berminat untuk turut serta dalam Sesi "*Town Hall*" Dialog Bajet MPSP 2018 amatlah dialu-alukan.

Jika terdapat sebarang pertanyaan, sila hubungi Puan Norshazila Binti Alias atau Puan Rahida Binti Abdul Rahim di talian 04-5497 460/841 atau email norshazila@mpsp.gov.my / rahida@mpsp.gov.my.

6. HARI PEKERJA 2017

Dimaklumkan Hari Pekerja akan disambut pada 1 Mei 2017 (Isnin). Justeru, saya ingin mengucapkan Selamat Menyambut Hari Pekerja kepada semua warga kerja, khususnya pekerja-pekerja di Seberang Perai.

7. SELAMAT MENYAMBUT HARI WESAK

Kesempatan ini, saya juga ingin mengucapkan Selamat Menyambut Hari Wesak kepada semua penganut Buddha yang bakal meraikannya pada 10 Mei 2017 (Rabu).

8. SELAMAT BERPUASA

Dimaklumkan, semua umat Islam dijangka akan menyambut Ramadhan al-Mubarak pada 27 Mei 2017 (Sabtu). Justeru, saya ingin mengucapkan Selamat Berpuasa kepada seluruh umat Islam di Pulau Pinang.

9. PROGRAM-PROGRAM CLEANER, GREENER, SAFER, HEALTHIER & HAPPIER SEBERANG PERAI

a. MPSP PAGI BEBAS KENDERAAN @ SEBERANG PERAI

Sukacita dimaklumkan bahawa Program MPSP Pagi Bebas Kenderaan @ Seberang Perai (*MPSP Car Free Morning @ Seberang Perai*) akan diadakan pada 7 Mei 2017 (Ahad) di Jalan Todak 2 dan 3, Seberang Jaya. Oleh itu, jalan ini akan

ditutup untuk tujuan tersebut mulai jam 6.00 pagi hingga 12.00 tengah hari.

Aktiviti yang telah dirancang pada Program CFM adalah senamrobik, persembahan kombo MPSP, gerai jualan, *massage knife*, kaunter bayaran bergerak, jualan *e-Waste* dan banyak lagi aktiviti menarik. Datanglah beramai-ramai untuk memeriahkan lagi MPSP Pagi Bebas Kenderaan @ Seberang Perai.

- b. ***Karnival Jualan Barang Up-Cycle*** akan diadakan di Auto City Juru pada 7 Mei 2017. Karnival ini akan diadakan dari jam 7 petang - 10 malam. Karnival untuk membantu mempromosikan produk-produk *up-cycle dan recyle* yang dihasilkan oleh komuniti Seberang Perai. Program ini diadakan pada hari Sabtu minggu pertama setiap bulan. Penajaan lokasi dan kemudahan meja, khemah adalah oleh Auto City Juru. Semua adalah dijemput hadir untuk memeriahkan program ini.

- c. **Majlis Pelancaran Pengasingan Sisa Di Punca** akan diadakan pada 14 Mei 2017 di Taman baru, Seberang Jaya.

Satu taklimat tentang kitar semula akan diberikan kepada semua penduduk kampung dengan harapan adalah penduduk dapat meningkatkan kesedaran tentang kitar semula dan melaksanakan di kawasan mereka.

- d. **Kempen Pengasingan Sisa Di Punca Dan Kumpul Barang Kitar Semula Untuk Hapus Denggi** akan diadakan pada 21 Mei 2017 bertempat di Kampung Permatang Nibong.
- e. Dimaklumkan bahawa program sihat iaitu **Senamrobik Bersama MPSP** akan diadakan di Jalan Todak 2 dan Jalan Todak 3, Seberang Jaya pada 7 Mei 2017 (Ahad) sempena Program MPSP Pagi Bebas Kenderaan @ Seberang Perai. Program Senamrobik Bersama MPSP di Taman Tugu Kota Demokrasi, Bagan akan diadakan pada 21 Mei 2017 (Ahad) manakala program Senamrobik Bersama MPSP di Taman Berjaya, Nibong Tebal akan dihentikan untuk seketika semasa bulan Ramadhan.

SEKIAN, TERIMA KASIH.